



**MHD. AMIN NORDIN ABD. AZIZ (depan) berpuas hati ketika melawat dan merasmikan Perkampungan Bandar atau 'WUF9 Village' sempena Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) di Jalan Leboh Pasar, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI**

## Laluan basikal diaudit semula

**KUALA LUMPUR 8 Feb.** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengaudit semula laluan basikal sepanjang 11 kilometer untuk menjadikannya lebih selamat kepada orang ramai.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd. Amin Nordin berkata, antara perkara yang diutamakan adalah penyelarasan laluan kenderaan dan juga jenis pemisah laluan basikal yang digunakan.

Beliau berkata, pihaknya sukar untuk membuat keputusan ekoran sesetengah laluan basikal yang sedia ada itu disalahguna oleh penunggang motosikal dan pemandu bas.

"Buat masa sekarang, kita tidak dapat elakkan perkara tersebut daripada berlaku ke-

rana ia melibatkan tahap disiplin dan tabiat pemandu.

"Bagimanapun, keputusan mengenai perkara itu akan dibuat selepas proses audit selesai dalam tempoh dua bulan.

"Saya akan berjumpa dengan datuk bandar dari beberapa negara Eropah bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) Perkampungan Bandar di sini hari ini.

Tambah beliau, laluan basikal itu merupakan kemudahan baharu di negara ini dan memerlukan banyak penambahbaikan untuk menjadikan kemudahan itu setaraf dengan yang digunapakai di negara

luar.

Dalam perkembangan lain, Mhd. Amin memberitahu, kawasan-kawasan terbiar di sekitar ibu kota berpotensi dijadikan daya tarikan pelancong sekiranya dibangunkan menjadi lebih ceria.

"Apabila persekitaran kawasan yang terbiar dipulihkan dengan reka bentuk landskap dan mempunyai pelbagai kemudahan seperti meja dan kerusi, ia pasti menjadi tarikan pengunjung.

"Unsur ceria dan segar yang akan diterapkan ini seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang lebih berdaya maju sekali gus menjadi tumpuan pelancong tempatan dan asing," katanya.